

Nik Aziz ada kecacatan kerana enggan taubat: PM

Oleh Salina Abdullah dan Munaatfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan keengganan Datuk Nik Aziz Nik Mat bertaubat selepas mengatakan Allah samseng, adalah antara kecacatan Menteri Besar Kelantan itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun telah berdosa apabila mengatakan Allah sedemikian, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, adalah seorang yang tidak pernah mengakui kelemahan dirinya.

Sebagai manusia biasa, Dr Mahathir berkata setiap orang ada kelemahannya. Malah, beliau sendiri pun ada kecacatannya apabila

gagal mengubah sikap orang Melayu seperti yang dicitacitakan.

"Pada Nik Aziz, saya cukup cacat. Nik Aziz kata saya tak layak (sebagai pemimpin) kerana gagal dan menangis.

"Kecacatan Nik Aziz pula ialah dia tak mahu taubat walaupun dia kata Allah samseng. Dalam 99 nama Allah, mana ada yang menyebut Tuhan itu maha. Presiden Umno di sini hari ini, Dr Mahathir berkata adalah mustahil untuk ucapan dengan menyebut nama-nama Allah ini. Allah Maha Penyayang, Maha Pengasih.

"Saya mengaku, saya gagal ubah orang Melayu. Itu

kegagalan saya. Sekarang kurangnya saya mengakui kelemahan saya," katanya sambil menegaskan setiap manusia sebenarnya cacat, bukan saja dari segi fizikal malah amalan, pegangan, nilai hidup dan perbuatan.

Berucap pada Majlis Penerangan Tatacara Mesyuarat dan Pemilihan Puteri Umno, Tata Etika Ahli Umno dan Taklimat Khas di sini hari ini, Dr Mahathir berkata adalah mustahil untuk pemimpin yang tidak cacat dan tiada kelemahan.

Di PUTRAJAYA, Penasihat Agama Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid

Othman berkata Nik Aziz mesti bertaubat dan kembali ke pangkal jalan kerana beliau telah melakukan kesalahan besar dalam akidah Islam dengan memanggil Allah itu samseng.

"Perbuatannya itu adalah berdosa dan sesiapa yang mengikutnya juga berdosa. Perbuatan Nik Aziz itu, yang menimbulkan benci berkaitan zat dan sifat Allah, menyamai kumpulan Al-Khawarij ketika pemerintahan Bani Umayyah dan Bani Abasiyah," kata dalam satu sidang akhbar.

Abdut Hamid berkata, kumpulan itu, yang tinggi pengetahuan agama, hafal Al-Quran. Pintar bersyair

dan berpidato, berhasrat menggoncang dan meruntuhkan kestabilan kerajaan dan masyarakat ketika itu. Akibat didorong rasa benci.

"Malah ada di kalangan anggota Al-Khawarij itu dianggap 'mulhid' iaitu terpesong iman setelah merasakan diri mereka terlalu dekat dan hampir dengan Allah," katanya.

Beliau berkata, kenyataan Nik Aziz bahawa Allah mempunyai sifat buruk dan keji seperti manusia dan Allah bersifat kekurangan seperti samseng, jahat, penipu dan mencah adalah satu kenyataan yang menjejaskan dan mengurangkan zat Allah dan mengurangkan kesempurnaan

tuhan.

"Sifat-sifat Allah dipanggil Al-Asma Ullhusna. Sesiapa yang menyandarkan mana-mana sifat atau nama yang buruk kepada Allah seperti samseng, maka orang itu dipanggil dalam At-Quran sebagai mulhid iaitu orang yang terpesong imannya," katanya.

Abdut Hamid mempersoalkan tujuan Nik Aziz membangkitkan perkara berkaitan akidah yang sentiasa diajar dan dipelajari dalam syariat sejak Nabi Adam dan bukannya perkara yang berubah mengikut zaman dan keadaan.

Katanya, perkara yang dibangkitkan Nik Aziz telah

menimbulkan kegelisahan di kalangan umat Islam kerana sepanjang masa ajaran berkaitan Islam ialah mengenai keagungan dan kebesaran Allah.

"Mengapa perkara ini dikeluarkan (Nik Aziz) dengan tidak semena-mena dalam masyarakat, tidak lain dan tidak bukan untuk mengacau pemikiran umat Islam," katanya.

Beliau berkata, Nik Aziz mungkin berpegang kepada satu mazhab yang ditolak oleh ahli Sunnah Waljamaah iaitu berpegang kepada 'yang dikira ialah maksud batin, bukannya zahir yang dilafazkan' dan pendapat itu adalah salah dan mesti ditolak.